



Seni kraf perlu sentuhan moden

Oleh SAIDIN BASHIR
saidin_83@yahoo.com

UM, 15.12.2011 (2)

SENI kraftangan adalah hasil seni yang dicipta untuk digunakan, tetapi digubah dengan memasukkan unsur-unsur seni untuk memberi bentuk yang indah dan menarik hati.

Penciptaan kraftangan itu memerlukan keahlian dan kecekapan dalam penggunaan bahan-bahan asas yang teratur sejak dari proses awal hinggalah sesuatu hasil kraftangan itu tercipta.

Proses kraftangan berkenaan memerlukan daya estetika demi untuk memberikan rekabentuk yang indah dan menarik.

Pengarah Lembaga Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah (LKMS), Mohd Latif Dirun berkata seiring dengan tema Warisan Nusantara dan Bicara Kraf Warisan, ia seharusnya memastikan kraf tangan di negeri ini terus mendapat perhatian.

“Produk kraftangan di negeri ini tidak boleh bersifat statik dan kuno tetapi seharusnya dinamik dan mengikut gaya hidup masa kini.

“Seminar ini adalah salah satu saluran untuk menggalakkan tradisi kita (kraftangan) untuk terus hidup dalam zaman yang serba moden dan canggih pada

hari ini,” katanya kepada Utusan Borneo pada Seminar Antarabangsa Warisan Nusantara dan Bicara Kraf Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.



MOHD LATIF

Latif berkata, edisi pertama seminar ini adalah program permulaan sempena pembentangan kertas kerja merangkumi nusantara dan ia diharap dapat terus menghidupkan kraftangan tradisional menerusi jualan mapan serta digemari ramai.



SIJIL ... Penolong LKMS, Mohammad Mokhtar menyampaikansijil penghargaan kepada salah seorang peserta seminar tersebut.

(Gambar atas & bawah) ALBUM ... Peserta Bicara Kraf sempena Seminar Antarabangsa Warisan Nusantara baru-baru ini.



Selain itu, katanya, program itu yang dianjurkan oleh UMS dan anjuran bersama dengan LKMSM mampu menjadi platform pertukaran kreatif kepada generasi muda untuk terus meminati bidang berkenaan daripada artis-artis seni yang mahir serta pakar di sini.

Tambahnya, ia sekaligus menanamkan minat di kalangan generasi muda untuk terus menjadikan ia satu bidang kerjaya yang mendatangkan hasil berbanding hanya untuk dijadikan minat atau hobi sahaja.

“Ia keadaan yang begitu baik sekali apabila kita dapat menyaksikan sejumlah anak muda yang berpakaian seragam sekolah atau pelajar berjalan di sekitar program ini bagi menyaksikan sendiri kraftangan yang dipamerkan.

“Secara tidak langsung para pelajar ini akan dapat mempelajari beberapa seni kraftangan dan mungkin akan mencuba menghasilkan produk baru yang menggabungkan jalinan reka bentuk grafik dengan teknik-teknik anyaman,” ujarnya.

Sementara itu, Latif percaya kalau usahawan dan karyawan kraf tempatan menyerapkan elemen moden dalam seni kraf ciptaan mereka, sudah pasti kraftangan pribumi di Sabah dapat dinikmati dan terkenal oleh pelancong dalam mahupun luar negara.

“Saya tahu dalam dunia global ini seni kraf Sabah tidak mampu menembusi pasaran antarabangsa. Tetapi, kita dapat memecahkan tembok itu jika kraftangan diserapkan dalam struktur yang moden,” katanya.

Ekoran itu, adalah menjadi tanggungjawab karyawan kraf untuk mengetengahkan percambahan idea bagi menghasilkan produk kraf yang bermutu dan sesuai dengan peredaran masa.

Tambahan pula, anak-anak muda sekarang kurang menunjukkan minat dalam bidang kraf tradisional yang kebanyakannya dipelopori oleh golongan tua.

Tegasnya, sekiranya pihak yang berkenaan seperti kerajaan dan karyawan tidak berusaha untuk mempopularkan seni kraf ia akan membawa kepada pelupusan identiti sesuatu bangsa.

Ini kerana kraftangan melambangkan budaya sesuatu bangsa yang bergerak seiring dengan adat resam masyarakat

Melayu
sejak
turun
temurun lagi.



(Gambar atas) SENI UKIRAN ... Adun Membakut, Datuk Haji Mohd Arifin Haji Mohd Arif berkesempatan melawat demonstrasi mengukir Lapa sempena program itu berlangsung.

(Gambar kanan) SENI KRAF ... Anyaman Rungus merupakan seni yang telah dipraktikkan sejak turun temurun lagi

di negeri ini.

